

# Rathimalar Govindarajoo

Penari Tarian Klasik India

## Apakah maksud sebenar tarian buat anda?

Dalam hidup saya, tarian bukan sahaja satu cabang seni untuk membiaskan perasaan yang ada dalam diri, kerana ia lebih daripada itu. bagi saya, setiap penari memerlukan dedikasi yang cukup tinggi untuk kekal dalam arena seni ini. Kami juga perlu bekerja keras dan memerlukan sifat ketabahan yang kuat. *Dancers who strive making dance a career are athletes of God* kerana dalam dunia ini ia penuh dengan pancaroba.

Penari yang bagus adalah mereka yang tidak punya ego, saling bekerjasama, merendah diri dan mempunyai etika kerja yang baik. Perlu hormat pada seni ini dan sentiasa menjadi diri sendiri.

## Adakah fesyen mampu memberi pengaruh yang kuat dalam tarian anda?

Saya mendapatkan inspirasi dari pelbagai medium dan artis. Cukup

bertuah sekali apabila dapat bekerja dengan guru, koreografer, penari dan juga aktor kerana mereka semua ini mampu memberikan pengaruh dalam pelbagai cara. Walaupun mungkin saya bukan orang yanggilakan fesyen namun, setiap helaian perlu mempunyai fungsi yang betul. Kunci penting dalam setiap tarian adalah menyarungkan sesuatu yang selesa dan mudah dicuci!

**Pernah fesyen memberi impak besar sepanjang karier sebagai penari?** Saya cukup bertuah kerana dalam bekerjasama dengan pereka kostum dan pereka fesyen terbaik buat sebilangan projek tarian. Nama-nama seperti Bernad Chandran dan Melinda Looi adalah mereka yang sering membuat kostum buat saya dan setiap helaian daripada mereka ini cukup sempurna jahitan dan potongannya. Selain itu, saya cukup bertuah kerana dapat menyarungkan kostum rekaan Ursula Bombshell ketika membuat persembahan di United Kingdom. Setiap helaian buat kostum penari akan dijahit dengan cukup detil dan teksturnya mampu menyampaikan cerita yang hendak kami lahirkan melalui gerak geri seni tarian.



RATHIMALARY'S  
PICKS

*"Dancers who strive making Dance a career are athletes of God* kerana dalam dunia ini ia penuh dengan pancaroba."

